

Mesti berasa malu jika gagal

UM - 17/3/2019 m/s: 4

PUTRAJAYA 16 Mac - Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, rakyat Malaysia perlu mempunyai sifat malu gagal jika ingin berjaya.

Menurut Perdana Menteri, perasaan malu boleh mendorong kita melakukan pekerjaan dengan lebih baik dan bersungguh-sungguh seterusnya mengecapi kejayaan serta kekayaan.

Beliau menarik perhatian orang Jepun yang mempunyai sifat malu daripada kegagalan sehingga sanggup membunuh diri.

Malah katanya, kerana malu dikatakan gagal membangunkan negara daripada kekalahan perang dunia kedua, Jepun telah bangkit dalam waktu yang singkat dan menjadi kuasa ekonomi kedua dunia.

Bangsa Jepun juga, kata Perdana Menteri, telah menge-

luarkan kereta yang diakui berkualiti kerana pekerja-pekerja mereka akan berasa malu sekiranya menghasilkan produk berkualiti rendah.

Jelasnya, atas dasar itulah kerajaan telah memperkenalkan Dasar Pandang Ke Timur supaya kejayaan bangsa di Timur ini dicontohi oleh rakyat Malaysia.

“Perasaan malu boleh mendorong kita membuat kerja dengan lebih baik. Kalau kita terkenal dengan barang berkualiti, dunia akan hormat kita, kita akan maju dan beri kekayaan kepada negara serta masyarakat,” katanya dalam ucapan pelancaran program Ikon Remaja Wilayah Persekutuan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini hari ini.

Yang turut hadir, Menteri

Wilayah Persekutuan, Khalid Abdul Samad.

Program Ikon Remaja Wilayah Persekutuan melibatkan penyer-taan 2,000 remaja berusia 12 hingga 17 tahun.

Program itu bertujuan membimbing remaja untuk mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap matlamat hidup dan tanggungjawab kepada diri, tuhan, keluarga, bangsa dan negara.

Mengulas lanjut, Perdana Menteri berkata, golongan remaja merupakan pewaris negara pada masa hadapan dan mereka boleh menjadikan kejayaan orang lain seperti bangsa Jepun sebagai ikon untuk lebih berjaya.

“Kalau kita terkenal seperti bangsa Jepun dan Korea, kehidupan kita jadi lebih baik, dipandang tinggi oleh bangsa lain,” katanya.